



MEMBINA KERJAYA AKADEMIA

Mohd Azraai Kassim

MEMBINA KERJAYA AKADEMIA

Mohd Azraai Kassim

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

PRAKATA

Alhamdulillah

Pengkaryaan *Membina Kerjaya Akademia* ini berjaya diterbitkan.

Buku ini memberikan sekilas pandang tentang pelan kerjaya dalam bidang akademik. Pepatah ada menyatakan bahawa “pengalaman adalah guru yang terbaik” tepat menggambarkan penulisan buku ini. Selepas lebih daripada tiga dekad berkecimpung dalam akademia, saya terpukul untuk menulis dan berkongsi perspektif yang pelbagai berkaitan dengan kerjaya dalam bidang akademik serta cara untuk membina kerjaya tersebut dengan lebih jaya.

Perspektif yang dikongsikan ini bukan sahaja berdasarkan pengalaman saya sendiri, malah juga dari pelbagai tahap dan bidang masyarakat. Penulisan ini bukan hanya untuk berkongsi pengalaman, tetapi juga panduan dan realiti dalam bidang akademik agar mereka yang membaca buku ini akan mendapat manfaat. Pemikiran kritis dan kreatif yang diperlukan sewaktu menulis buku ini telah memperkukuh motivasi dan tekad saya dalam bidang ini. Ia juga lebih meyakinkan saya bahawa pilihan yang dibuat untuk menceburi bidang akademik pada suatu waktu dahulu adalah sangat tepat.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
Bab 1 Pengenalan	1
Bab 2 Kerjaya Akademik yang Semakin Mencabar	5
Bab 3 Tindakan Strategik Staf Akademik Baharu	17
Bab 4 Merancang Laluan Kerjaya Secara Berkesan	25
Bab 5 Pengalaman Membina Kerjaya	41
Bab 6 Penutup	51
<i>Rujukan</i>	53
<i>Indeks</i>	55

PENGENALAN

Sejak dari kecil lagi, setiap individu sering ditanya oleh banyak orang termasuk guru dan ibubapa tentang cita-cita mereka apabila besar nanti. Pelbagai jawapan diberikan. Ini amat bergantung kepada 'pandangan dunia' golongan kanak-kanak yang dipengaruhi oleh media massa atau alam sekeliling. Ada yang hendak menjadi pegawai tentera, polis, dan bomba apabila mereka melihat pasukan beruniform. Ada juga yang bercita-cita sebagai ahli profesional seperti doktor, jurutera, peguam, arkitek dan akauntan. Namun begitu, idola yang paling dekat dengan pelajar ialah guru yang mendidik mereka. Istilah pensyarah jarang mereka ketahui kerana istilah itu hanya wujud di peringkat sekolah menengah.

Sebenarnya ramai orang mahu berjaya dalam kerjaya pilihan masing-masing. Sekalipun ini merupakan hasrat kebanyakan mereka yang bekerjaya, namun realiti menunjukkan tidak ramai yang betul-betul merancang supaya menjadi suatu kenyataan.